

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI  
[ KUALA KRAU ]**

**SOALAN**

**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ] minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kemalangan yang berpunca daripada lori dan bas bagi tahun 2021 sehingga sekarang, dan langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi membendung kemalangan kenderaan awam dengan kenderaan perdagangan terus berlaku.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik kemalangan yang berpunca dari lori dan bas dari tahun 2021 hingga 2024 (Januari hingga Mei) adalah seperti berikut:

| TAHUN               | PUNCA<br>KECUAIAN<br>KENDERAAN | JENIS KEMALANGAN |       |        |                 | JUMLAH |
|---------------------|--------------------------------|------------------|-------|--------|-----------------|--------|
|                     |                                | MAUT             | PARAH | RINGAN | ROSAK<br>SAHAJA |        |
| 2021                | BAS                            | 8                | 8     | 24     | 1535            | 1575   |
|                     | LORI                           | 132              | 205   | 426    | 21231           | 21994  |
| 2022                | BAS                            | 11               | 12    | 68     | 2549            | 2640   |
|                     | LORI                           | 127              | 169   | 609    | 22654           | 23559  |
| 2023                | BAS                            | 18               | 14    | 77     | 3298            | 3407   |
|                     | LORI                           | 140              | 126   | 621    | 22969           | 23856  |
| 2024<br>(JAN – MEI) | BAS                            | 2                | 6     | 24     | 1533            | 1565   |
|                     | LORI                           | 37               | 53    | 215    | 10048           | 10353  |

2. Kementerian Pengangkutan (MOT) amat memandang serius terhadap isu pemanduan kenderaan secara berbahaya bukan sahaja melibatkan kenderaan komersil seperti kenderaan perkhidmatan awam atau perdagangan sahaja malah semua kenderaan terlibat yang menyebabkan kemalangan, kecederaan atau meragut nyawa pengguna jalan raya. Mana-mana individu yang bertanggungjawab boleh dikenakan hukuman yang berat di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan [Akta 334] dan Akta Pengangkutan Awam Darat [Akta 715].

3. Antara tindakan undang-undang yang akan diambil terhadap individu yang memandu secara melulu atau membahayakan sehingga menyebabkan kematian adalah seperti di dalam **Seksyen 41, Akta 333** yang mana telah menetapkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan denda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit. Bagi sabitan kali kedua atau kali kemudian, penjara selama tempoh

tidak kurang daripada sepuluh tahun dan tidak lebih daripada lima belas tahun dan denda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit.

4. Dalam pada itu, MOT melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa melaksanakan kajian dari semasa ke semasa berhubung langkah-langkah penguatkuasaan yang terbaik bagi menangani isu kenderaan berat merangkumi kenderaan perkhidmatan awam dan perdagangan yang tidak mematuhi peraturan sehingga membahayakan pengguna jalan raya. Salah satu tindakan utama yang dilaksanakan bagi menangani isu ini adalah dengan menggiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan oleh pihak JPJ melibatkan peraturan had muatan kenderaan dan had laju bagi kenderaan berat. Selain mengoperasikan 53 buah Stesen Penguatkuasa (atau stesen timbang) di seluruh negara, pihak JPJ juga turut dibekalkan dengan 75 unit alat timbang mudah alih bagi tujuan penguatkuasaan tersebut.

5. Di sepanjang tempoh antara tahun 2016 sehingga September 2023, sejumlah 65,221 notis saman telah dikeluarkan melibatkan kesalahan muatan bahaya dan lebih muatan.

6. Di samping itu, MOT bersama Kementerian Kerja Raya (KKR), sedang dalam proses akhir untuk membangunkan sistem "*High Speed - Weigh in Motion*" atau HS-WIM. Menerusi penggunaan sistem HS-WIM, aktiviti penguatkuasaan kenderaan berat boleh dilaksanakan secara masa sebenar atau automatik tanpa memerlukan kenderaan tersebut perlu berhenti untuk ditimbang.

Sekian, terima kasih.